

MRHATHIR - SABAH R'R'R' R'

DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

MANILA, 15 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INIMENYIFATKAN TUNTUTAN FILIPINA KEATASSABAH YANG MASIH BELUM SELESAI SEBAGAI SESUATU YANG +TERBUKU DI KALBU+ DALAM HUBUNGAN DUA-HALA ANTARA MALAYSIA DENGAN FILIPINA.

WALAU BAGAIMANAPUN, HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUANEGARA, KATANYA, MASIH SEPERTI BIASA.

+HUBUNGANKITA MASIH SEPERTI BIASA. TAPI ADA SESUATU YANG TERBUKU DI KALBU. BAK KATA ORANG MELAYU, SEPERTI TULANG TERLEKAT DI RENGKONG, DITELAN SAKIT, DIBUANG TAK BOLEH, + TEGAS PERDANA MENTERI APABILA DIMINTA MENGULAS TENTANG KELEWATAN PROSES MENGGUGURKAN TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH OLEH PIHAK PEMBUAT UNDANG-UNDANG DI SINI.

SATU RANG UNDANG-UNDANG YANG MEMBOLEHKAN PENGGUGURAN RASMI TUNTUTAN YANG BERUSIA 25 TAHUN ITU, KINI SEDANG DIBINCANGKAN DI DEWAN SENAT FILIPINA.

BAGAIMANAPUN, PENYELESAIAN HAK WARISAN KETURUNAN KESULTANAN SULU DILETAKAN SEBAGAI PRA-SYARAT UNTUK PENGGUGURAN TUNTUTAN ITU. -- LAGI
1458MST 15 12 87

B 8854 AAB

MAHATHIR - SABAH 2 MANILA R'R'R' R'

SEBELUM INI, DEWAN KONGRES FILIPINA TELAH MELULUSKAN SEBUAH RANG UNDANG-UNDANG YANG SERUPA TAMPASEBARANG SYARAT DEMIKIAN, SELARAS DENGAN HASRAT PRESIDEN CORAZONA AQUINO.

INI TELAH MEMBERIKAN HARAPAN KEPADA BANYAK PIHAK BAHAWA PROSES PENGGUGURAN TUNTUTAN BERKENAAN AKAN DAPAT DISELESAIKAN MENJELANG SIDANG KEMUNCAK KETIGA KETUA-KETUA NEGARA ASEAN YANG DITUTUP SECARA RASMI HARI INI.

PERDANA MENTERI YANG BERADA DI SINI KERANA MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU BERKATA, BELIAU SENDIRI BERPENDAPAT JIKA PERKARA ITU BERLAKU, IA ADALAH LEBIH BAIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH PUN MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN PRESIDEN AQUINO DAN MENERIMA PENJELASAN DARIPADA PRESIDEN SENAT, JOVITO SALONGA YANG MENEMUI BELIAU DI HOTELNYA. -- LAGI

1459MST 15 12 87

B 8855 AAB

MRHATHIR - SABAH 3 MANILA

PRESIDEN FILIPINA TELAH MEMBERITAHU BELIAU BAHAWA SENAT FILIPINA MERUPAKAN SATU BADAN YANG BEBAS DAN TIDAK TERIKAT KEPADA KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH PIHAK PRESIDEN ATAU PUN PIHAK KONGRES.

+MEMANDANGKAN KEPADA PERKARA INI, KITA NYATAKAN KEPADA BELIAU BAHAWA KITA FAHAM TENTANG PROSES INI DAN SEDIA MENUNGGU APA JUGA KEPUTUSAN YANG AKAN DIBUAT OLEH PIHAK SENAT MENGIKUT 'PROSES UNDANG-UNDANG DI SINI SUPAYA MASALAH SABAH INI DAPAT DISELESAIKAN, + JELAS DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI MENGULANGI PENDIRIAN MALAYSIA BAHAWA SOAL HAK WARISAN KETURUNAN KESULTANAN SULU ADALAH PERKARA YANG BERASINGAN DENGAN TUNTUTAN KEATASSABAH.

+PADA PENDAPAT KITA, PIHAK FILIPINA BOLEH GUGURKAN TUNTUTANNYA KE ATAS SABAH MANAKALA KITA AKAN BERUNDING DENGAN WARIS KESULTANAN SULU KEMUDIAN, + TEGAS BELIAU.

DITANYA SAMA ADA PERBEZAAN PENDAPAT ANTARA PUAN AQUINO DAN KONGRES PADA SATU PIHAK DAN SENAT PADA SATU PIHAK LAGI MENGENAI PERKARA ITU SEBAGAI SATU SANDIWARA YANG SENGAJA DIRANCANGKAN, SEPERTI YANG DIANGGAP OLEH BANYAK PIHAK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MENGETAHUI PERKARA SEBENAR YANG BERLAKU.

+APA YANG SAYA TAHU IALAH TERDAPAT PEREEZAAN PENDAPAT ANTARA PUAN AQUINO DAN KONGRES PADA SATU PIHAK DAN SENAT PADA SATU PIHAK LAGI, + JELAS BELIAU. -- LAGI
1503MST 15 12 87

D690

B 8889 AAB
MAHATHIR - SABAH 4 MANILA

MENGENAI PERSIDANGAN KEMUNCIAK ITU SENDIRI, DATUK SERI OR MAHATHIR MENEGASKAN BELIAU BERPUASHATI DENGAN HASIL YANG DICAPAI. KATANYA, PERSIDANGAN ITU OPAAT DISELESAIKAN OALAM JANGKA MASA YANG SINGKAT KERANA SEMUA KETUA-KETUA KERAJAAN MENERIMASEPENUHNYA SEMUA PERAKUAN YANG DIBUAT OLEH PARA PEGAWAI KANAN DAN PARAMENTERI ASEAN.

BELIAU YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU BUAT KALI PERTAMA SEBAGAI PERDANA MENTERI CERKATA BELIAU SENDIRI MERASAKAN BAHAWA PERSIDANGAN ITU TELAH MEMBERI BELIAU PELUANG UNTUK BERKENAL-KENALAN SECARA LEBIH DEKAT DENGAN PARA KETUA KERAJAAN ASEAN YANG LAIN, TERUTAMA PUAN AQUINO YANG BELIAU TEMUI BUAT KALI PERTAMA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERBINCANGAN TIDAK RASMI YANG DIADAKAN OLEH KEENAM-ENAM KETUA NEGARA ASEAN SELEPAS SIDANG KEMUNCIAK MEREKA, TELAH MEMBOLEHKAN PARA PEMIMPIN MALAYSIA, INDONESIA, BRUNEI DARUSSALAM, THAILAND DAN SINGAPURA MEMPEROLEHI MAKLUMAT SECARA JARAK DEKAT MENGENAI KEDUDUKAN KESELAMATAN DAN POLITIK DI FILIPINA MASA KINI.

KATANYA, DALAM PERTEMUAN ITU PUAN AQUINO MENJELASKAN, MENURUT KACAMATA BELIAU SENDIRI, KEADAAN SEBENAR YANG WUJUO DI SINI SEKARANG. -- LAGI

1650MST 15 12 a7

D691

B 8890 AAB
MAHATHIR - SABAH 5 MANILA

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI TIDAK MEMBERIKAN PENJELASAN LANJUT.

MENGENAI KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH ASEAN SETAKAT INI, DATUK SERI OR MAHATHIR BERKATA PERTUBUHAN ITU YANG DIWUJUDKAN 20 TAHUN LALU TELAH MENCAPAI BANYAK KEMAJUAN DALAM BIDANG POLITIK, WALAUPUN DARI SEGI EKONOMI MASIH BANYAK YANG BOLEH DILAKUKAN.

INI DIFAHAMI KERANA ASEAN ITU SENDIRI DIBENTUK BUKAN KERANA SEBAB EKONOMI TETAPI KERANA SEBAB POLITIK.

+DARI SEGI EKONOMI, KITA MEMPUNYAI EKONOMI YANG BERSAINGAN DAN OLEH ITU KEMAJUAN KERJASAMA OALAM BIDANG INI AGAK KURANG SEDIKIT, KATANYA. -- LAGI

1652MST 15 12 a7

D693

B 8893 AAB
MAHATHIR - SABAH 6 MANILA

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MENJELASKAN BELIAU MELIHAT KEAZAMAN POLITIK YANG IKHLAS OALAM PERSIOANGAN YANG BARU SELESAI INI UNTUK MENINGKATKAN LAGI KERJASAMA EKONOMI.

KINI TERPULANG LAH KEPADA PARA PEGAWAI DAN PIHAK SWASTA DI NEGARA MASING-MASING UNTUK MELAKSANAKAN SEGALA PERSETUJUAN YANG TELAH DICAPAI, KATANYA.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA PROSES INI AKAN MEMAKAN MASA.

MENGENAI TAWARAN AS\$2 BILLION JEPUN UNTUK PEMBIAYAAN PROJEK SEKTOR AWASTA ASEAN, PERDANA MENTERI BERKATA TERPULANG KEPADA SEKTOR SWASTA DI NEGARA MASING-MASING UNTUK MENGAMBIL KESEMPATAN MENGGUNAKAN BEKALAN WANG MURAH INI UNTUK MELANCARKAN PROJEK-PROJEK BARU ATAU PUN MEMPERLUASKAN KEGIATAN MEREKA.

KATANYA, BERBEZA OENGAN BANTUAN-BANTUAN KEWANGAN LAIN YANG PERNAH DITAWARKAN OLEH JEPUN, INILAH KALI PERTAMA KEMUDAHAN KEWANGAN PERNAH DITAWARKAN KHUSUS UNTUK SEKTOR SWASTA.

PADA MASA-MASA YANG LALU TAWARAN SEDEMIKIAN CUMA UNTUK PROJEK-PROJEK PRASARANA. -- BERNAMA

1655MST 15 12 a7